

UNTUK SIARAN SEGERA



## MENTERI BESAR SELANGOR RASMI JEJAMBAT BANDAR SAUJANA PUTRA YANG DIBANGUNKAN OLEH LBS

**Petaling Jaya, 7 Julai 2024** – LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”), pemaju harta tanah terkemuka pilihan rakyat, hari ini menganjurkan majlis ‘flag off’ sebagai simbolik pelancaran jejambat Bandar Saujana Putra (BSP), sebuah projek yang dinanti-nantikan oleh peduduk Bandar Saujana Putra dan pengguna sekitarnya. Majlis telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Seri Amirudin Bin Shari, Menteri Besar Selangor, dan disaksikan oleh YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar Bin Raja Salim, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad; YB Izham Hashim, EXCO Infrastruktur dan Pertanian, YBhg Dato’ Amirul Azizan Bin Dato’ Sri Abd Rahim, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kuala Langat; YBhg Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, Penggerusi Eksekutif Kumpulan LBS; dan YBhg Datuk Wira Lim Hock Guan, Pengarah Urusan Kumpulan LBS.

Projek jejambat BSP tersebut, telah diumumkan pada 2019, kini dibuka untuk kegunaan awam. Ia menghubungkan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (Elite) dan Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE). Pada masa ini, populasi penduduk BSP mencecah hampir seramai 20,000 orang dan jejambat ini dijangka membantu mengawal aliran trafik di kawasan ini.

Penggerusi Eksekutif Kumpulan LBS, Tan Sri Ir. (Dr.) Lim Hock San, menzahirkan rasa syukur di atas penyempurnaan projek jejambat BSP tersebut. “Di sebalik pelbagai cabaran yang dihadapi oleh LBS, terutama sewaktu pandemik, saya gembira projek ini berjaya disiapkan. Saya percaya jejambat ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan membantu meningkatkan aliran trafik di lokasi kritis ini”. Penyempurnaan jejambat ini juga menandakan satu pencapaian penting dan tepat pada masanya, selaras dengan pelancaran projek BSP Sutera LBS pada April lepas.

Pembangunan ini terdiri daripada unit pangsapuri dan rumah bandar dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM 207 juta, di mana ia akan memberi nilai tambah di Bandar Saujana Putra. Perbandaran ini terdiri daripada pembangunan bercampur yang strategik dengan pilihan komprehensif kediaman dan unit komersial yang memenuhi keperluan rakyat,” tambah Tan Sri.

Menurut YM Raja Ahmad Shahrir Iskandar bin Raja Salim, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), “Jejambat dan persimpangan Bandar Saujana Putra ini juga menghubungkan rangkaian lebuh raya utama, maka dengan pembangunan ini, saya yakin nilai harta tanah di Bandar Saujana Putra dan sekitar akan meningkat dengan ketara.”

YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, turut menekankan kepentingan jejambat dalam ucapannya, menyatakan, “Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi keutamaan terhadap kesejahteraan rakyatnya. Pelancaran jejambat Bandar Saujana Putra ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dengan mengurangkan masa perjalanan dan kesesakan lalu lintas.” Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada LBS atas sumbangan Syarikat terhadap pembinaan jejambat tersebut.

-tamat-